



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

ISU PENCEMARAN SUNGAI

25 JULAI 2016

Saya memandang serius terhadap isu pencemaran sungai yang dilaporkan di media tempatan baru-baru ini. Sikap orang ramai yang membuang sampah sarap ke dalam sungai adalah merupakan satu tindakan yang tidak prihatin terhadap alam sekitar yang perlu dihentikan serta-merta.

Sungai merupakan nadi kehidupan manusia dan tindakan mencemarkan sungai ini akhirnya akan menjejaskan kehidupan manusia yang bergantung terhadap sungai untuk keperluan domestik, pengangkutan, pertanian dan ekopelancongan. Kita bakal kehilangan sumber bekalan air untuk kegunaan domestik, industri dan pertanian jika kita meneruskan amalan membuang sampah ke dalam sungai dengan anggapan ia akan berakhir di sungai tetapi sebenarnya ia akan berakhir di kediaman masing-masing kelak.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) giat mempertingkatkan kesedaran orang ramai melalui *Public Outreach Programme (POP)* yang telah dilaksanakan di dua kawasan Sub Lembangan Sungai Klang (Fasa 1) dan Sungai Bunus (Fasa 2). Keberkesanan program ini dapat dilihat melalui pengurangan bilangan pembuangan sampah dari purata bulanan 268m³ kepada 43.3m³ atau 80% kadar pengurangan. Justeru, JPS sedang merancang dan bakal melaksanakan tiga lagi program sedemikian dalam jangka masa terdekat.

Di samping itu, sejumlah 514 perangkap sisa pencemaran (Gross Pollutant Traps) telah dipasang di dalam kawasan *River Of Life* (ROL) sejak 2011 yang diselenggara oleh JPS dan DBKL. Satu kajian yang berkaitan dengan penyelenggaraan GPTs sedang dijalankan oleh JPS bagi memastikan penyelenggaraan GPTs dijalankan secara efektif dan kos penyelenggaraan dapat dioptimumkan dalam tahap yang paling sesuai dengan keadaan semasa.

Sementara itu, kerajaan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sedang melaksanakan pendekatan holistik dalam menguruskan isu sisa pepejal bagi program ROL. Daya maju inisiatif-inisiatif pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dipastikan mengikut konsep pelaksanaan pengurusan bahan sisa (3R, Pemulihan, Rawatan dan Pelupusan) di Malaysia diperbaiki dengan menangani isu tadbir urus berhubung dengan pengurusan sisa pepejal.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa selain daripada bahan buangan sisa pepejal (solid waste) yang mencemari sungai-sungai di negara ini, pelepasan air buangan, kumbahan serta air larut resapan turut mencemarkan kualiti air sungai di Malaysia.

NRE melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap pelepasan industri, loji-loji kumbahan serta air larut resapan dari tapak-tapak perlupusan sampah yang tertakluk di bawah akta berkenaan dan peraturan-peraturan di bawahnya. Namun demikian, jumlah punca pencemaran yang dikawal oleh JAS hanyalah dalam lingkungan 20% sahaja daripada jumlah punca pencemaran yang ada.

Justeru saya ingin menegaskan di sini bahawa semua pihak perlu bertindak lebih proaktif dan responsif dalam menjaga dan mengawal pencemaran dari punca-punca yang berada dalam bidang tanggungjawab masing-masing. Premis-premis makanan perlu memastikan agar tidak mengalirkan minyak ke dalam sistem pembentungan yang akan menyebabkan ianya tersumbat dan menjejaskan loji rawatan kumbahan berpusat manakala loji-loji kumbahan persendirian perlu diselenggara

secara berkala agar loji-loji berkenaan dapat mengolah kumbahan mengikut had pelepasan yang dibenarkan.

Pihak industri tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil kesempatan pada cuti hujung minggu, cuti umum dan lewat malam untuk melepaskan efluen tanpa diolah ke alur air. Jika pihak JAS mengesan perbuatan sebegini, maka JAS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit.

Saya juga maklum akan kes-kes tumpahan bahan mentah/bahan merbahaya/diesel akibat kemalangan yang mencemari tanah dan alur air. Berhubung perkara ini, saya mohon agensi-agensi kerajaan yang terbabit untuk mengambil tindakan yang lebih serius agar kes-kes sebegini tidak menjejaskan kualiti air sungai kita.

Sungai Nadi Kehidupan.

Bertindak sekarang, hentikan pencemaran sungai.